

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 04 / 08 / 2007

Masyarakat perlu ubah nilai, budaya

UM - 4/8/2007

KANGAR 3 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, asas kejayaan pembangunan wilayah termasuk Koridor Pantai Timur yang diperkenalkan kerajaan bukan bergantung kepada modal atau peruntukan besar semata-mata, sebaliknya menuntut perubahan nilai dan budaya masyarakat.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, orang Melayu khususnya perlu bersedia untuk berhadapan dengan perubahan jika mahu berjaya dan mendapat manfaat daripada gagasan pembangunan wilayah terbabit.

"Apabila kerajaan memperkenalkan konsep pembangunan baru ini, soal peruntukan sering diperkatakan. Namun, apa yang penting dan menjadi asas kepada kejayaan bukannya modal, dana atau peruntukan yang besar tetapi perubahan pada nilai serta budaya kita.

"Kalau nilai dan budaya kita memperlihatkan kesediaan untuk berubah dan selari dengan gagasan pembangunan wilayah, maka ia akan berjaya sepenuhnya," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Arau di Dewan 2020 di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Najib yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, selain perubahan dari segi

nilai dan budaya, perubahan pemikiran dan strategi mampu membawa masyarakat meniti gelombang globalisasi dan seterusnya menjadi bangsa maju.

"Umpamanya, kalau dahulu kita sekadar berpuas hati dengan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), tetapi kini ia sudah tidak mampu menjamin kejayaan. Kita perlu bercita-cita menjadi profesional.

"Sebagai petani, kalau masih menggunakan teknik tradisional, melalui pembangunan wilayah mereka perlu berubah kepada pertanian moden jika mahu lebih berjaya.

"Begitu juga golongan peniaga, takkan kita mahu setakat membuka kedai tom-yam semata-mata. Kita perlu ada cita-cita untuk berkembang. Inilah yang perlu ada supaya kita tidak jauh ketinggalan," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, beliau turut mengingatkan para pemimpin UMNO supaya jangan mengutamakan kepentingan peribadi melebihi kepentingan parti.

Langkah itu, ujar beliau, penting bagi memastikan UMNO terus relevan, berkembang dan dihormati.

"Kita perlu teruskan perjuangan kerana parti pembangkang terutama Pas sekarang sudah tidak relevan kerana mereka membawa pemikiran sempit."



NAJIB Tun Abdul Razak menyampaikan cenderahati kepada veteran UMNO, Datuk Selamat Saad sambil diperhatikan oleh Shahidan Kassim selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Arau di Dewan 2020, Kangar, semalam.

- Gambar Bernama